

# PM hantar nota simpati kepada Pengerusi PLO

5 OCT 1985  
KUALA LUMPUR, Ju-  
maat — Perdana Mente-  
ri, Datuk Seri Dr Mahathir  
Mahamad, menghantar  
nota simpati kepada  
Pengerusi Pertubuhan  
Pembebasan Palestin  
(PLO), Encik Yasser Arafat,  
berikutan kejadian  
pengeboman ibu pejabat  
PLO di Tunis, Selasa lalu.

Dalam satu kenyataan  
yang dikeluarkan oleh  
Wisma Putra petang ini,  
Perdana Menteri berkata,  
Israel sememangnya mu-  
suh utama dunia, yang  
bertindak sebagai  
pengganas antarabangsa  
tanpa mempunyai pera-  
saan tanggungjawab.

Katanya, walaupun  
Israel mendapat so-  
kongan beberapa negara,  
perbuatannya harus di-  
kutuk dan mesti dibawa  
ke muka keadilan.

"Saya sedih dengan  
kematian ramai rakyat  
Palestin. Tetapi bersabar-  
lah kerana perjuangan  
anda adalah benar dan  
kemenangan pasti terca-  
pai," katanya.

Sementara itu, dalam  
perutusan kepada Perda-  
na Menteri Republik Tuni-  
sia, Encik Mohammad  
Mzali, Datuk Seri Dr Ma-  
hathir mengutuk tinda-  
kan Israel mencero-  
boh kedaulatan negara itu.

Beliau meminta nega-  
ra-negara Islam bekerja  
sama dan berusaha me-  
mastikan perjuangan  
rakyat Palestin mencapai  
kejayaan.

Sementara itu, Perge-  
rakan Pemuda Umno tu-  
rut mengutuk kerajaan  
Amerika Syarikat kerana  
menyokong serangan  
Israel ke atas ibu pejabat  
PLO di Tunis.

## Manis

Dalam nota bantahan-  
nya kepada Kedutaan  
Amerika Syarikat di sini  
yang disampaikan oleh  
Pengerusi Biro Antara-  
bangsa Pergerakan Pe-  
muda Umno, Encik Nazri  
Tan Sri Aziz, berkata per-  
gerakan itu menyifat pe-  
mimpin negara itu seba-  
gai golongan hipokrit  
yang memberi kata-kata  
manis apabila memperl-  
ukan pertolongan.

"Dan pada waktu yang  
sama, mereka tidak  
memperdulikan perasaan  
kita apabila kunci-kunci  
mereka membuat kejaha-  
tan terhadap orang-  
orang yang tidak berdo-  
sa," katanya.

Encik Nazri berkata, be-  
rikutan peristiwa itu,  
agak sukar untuk mem-  
percayai pemimpin Ame-  
rika Syarikat.

Nota bantahan itu di-  
sampaikan kepada se-  
tiasaha pertama kedu-  
taan itu, Encik Bronson  
Percivall.

Pemuda Umno akan  
menjalankan kempen un-  
tuk mengingatkan orang  
ramai terhadap ketida-  
kikhlasan negara itu.

Sehubungan itu, juga  
Pemuda Umno mengu-  
langi sokongan per-  
juangan pembebasan Pa-  
lestin dan menyifatkannya sebagai  
perjuangan suci membe-  
baskan Masjid Al'Aqsa.

Ditanya mengenai  
reaksi Kedutaan Amerika  
Syarikat, Encik Nazri be-  
kata: "Encik Bronson ber-  
setuju mengemukakan-  
nya kepada Rumah  
Putih."